

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
KAWASAN : LUMUT

SOALAN:

YB. LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B) (LUMUT) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan bilakah jawatan Jurutera Daerah Manjung akan dinaikkan ke Gred J54.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pentadbiran Jabatan Kerja Raya (JKR) di peringkat negeri dan daerah, termasuk emolumen dan hal ehwal logistik ialah perkara dasar yang terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, sebarang cadangan penstrukturan semula organisasi JKR Daerah – termasuk menaikkan gred perjawatan Jurutera Daerah – terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri Perak. Cadangan penstrukturan semula itu perlu dipersetujui oleh Kerajaan Negeri terlebih dahulu sebelum dipertimbangkan dan diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Peranan Kementerian Kerja Raya pula ialah untuk mengisi kekosongan perjawatan bagi bidang Pengurusan dan Profesional (P&P) dan sokongan teknikal mengikut waran perjawatan yang telah diluluskan oleh JPA.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD HAMID (B)**

SOALAN :

YB Laksamana Pertama Mohamad Imran bin Abd Hamid (B) [Lumut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah YDP Daerah Manjung dinaikkan ke Gred 54 dan menyerapkan staf sementara yang telah berkhidmat 10 tahun ke atas ke jawatan tetap dan berpencen.

SULIT

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- i) Perjawatan YDP Daerah Manjung sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) adalah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Negeri.

- ii) Kerajaan telah memutuskan bahawa hanya pegawai lantikan secara kontrak (Contract of Service) yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 15 tahun sahaja yang boleh dilantik secara tetap mulai 1 Julai 2016 tertakluk memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Setakat ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyerapkan staf sementara yang telah berkhidmat 10 tahun ke atas ke jawatan tetap dan berpencen.

Sekian. Terima kasih.